

Pemikiran saya diterjemah — PM

UM 3 1 AUG 2003

Oleh NAZRI NONG SAMAH

PUTRAJAYA 30 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bangga kerana ramai kakitangan kerajaan dan agensi berkenaan telah mampu menterjemahkan pemikirannya dan dapat dilaksanakan sehingga bertaraf dunia.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya bahawa negara akan lebih pantas membangun jika pemikirannya itu dapat diterjemahkan untuk kepentingan semua seiring dengan penghayatan budaya hidup rakyat yang positif.

“Saya merasa sukacita kerana ada kalanya cadangan yang datang daripada pemikiran saya telah dapat diterjemah menjadi lebih besar dan cantik oleh kakitangan kerajaan,” katanya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Cruise Tasik Putrajaya dan perasmian Monumen Alaf Baru Kebangsaan, di sini hari ini.

Beliau memuji peranan berkesan membangunkan Putrajaya dalam jangka masa yang singkat di bawah pentadbiran Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Kata Dr. Mahathir, kepesatan pembangunan Putrajaya dengan keunikan reka bentuknya itu juga telah menjadikan ia sebagai mercu tanda Malaysia sekali gus kian dikenali oleh dunia juga sebagai destinasi pelancongan menarik.

“Putrajaya hanya mula dirancang pembangunannya pada tahun 1996 tetapi hasil pentadbiran yang baik oleh Perbadanan Putrajaya telah menjadikan ia sebagai sebuah ibu kota pentadbiran (Kerajaan Persekutuan) yang boleh menjadi kebanggaan seluruh rakyat.

“Jadi saya harap semua rakyat dapat menanam perasaan sayangkan Putrajaya sebagai milik bersama dan bersama-sama mengekalkan amalan mulia menjaga kebersihan persekitarannya sehingga ia kekal menjadi ibu kota pentadbiran negara ini buat selama-lamanya,” katanya.

Dr. Mahathir percaya dengan adanya perkhidmatan Cruise Tasik Putrajaya itu ia akan turut menjadi tarikan baru kepada pelancong mahupun penduduk tempatan untuk bersiar-siar dengan bot kecil dan besar di kawasan tasik sambil menikmati keindahan Putrajaya.

Mengenai pembinaan Monumen Alaf Baru, beliau menyifatkannya ia bukan sahaja sebagai salah satu mercu tanda yang terdapat di Putrajaya, malah di monumen itu turut dilengkapi dengan pengenalan sejarah, budaya, pembangunan serta petikan ucapan penting empat Perdana Menteri Malaysia.